

PM tegur sikap negara penderma

B.M. 14 FEB 1993

Daripada Ahmad Tajuddin **MAHATHIR** **OVERSEAS TRIPS.**

DHAKA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegur sikap negara-negara penderma yang menetapkan syarat serta keutamaan sebelum memberi sebarang bantuan kepada negara miskin.

Katanya, pembahagian kekayaan dan peluang di dunia tidak sama rata dan oleh itu, adalah adil bagi negara kaya memberi kepada mereka yang memerlukan.

Bagaimanapun, katanya, penderma kerap memandang rendah dan lebih buruk lagi, mereka kadangkala terlalu keras dalam kritikan terhadap dasar dan amalan penerima, seolah-olah kemampuan memberi adalah lesen untuk mereka mengajar serta satu hak bagi memberi nasihat yang tidak diperlukan.

"Oleh demikian, penerima

berasa tidak puas hati apabila keperluan untuk mendapatkan bantuan bermakna mereka terpaksa menerima syarat dan keutamaan yang ditetapkan penderma," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di satu majlis di North Plaza, Bangunan Jatiyo Sangshad (Parlimen) Bangladesh. Sebelum itu, beliau menerima kunci ke bandaraya Dhaka daripada Datuk Bandarnya, Mirza Abbas.

Perdana Menteri yang tiba di sini, kelmarin, sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini atas jemputan rakan sejawatnya, Begum Khaleda Zia. Inilah kali kedua beliau melawat Bangladesh selepas 1983.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia sudah berusaha untuk membebaskan diri dari segi

ekonomi supaya kemerdekaan politik yang dicapai pada 1957, lebih bermakna.

"Bukan mudah mencaipainya. Kita terpaksa mengawal diri dan berdisiplin untuk membebaskan diri daripada mengikut telunjuk orang lain. Kemerdekaan ada harganya. Tidak ada perkara dalam dunia yang percuma," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia percaya kekuatannya akan hanya datang dari dalam, termasuk penggunaan radikal segala sumber yang ada.

"Negara perlu mempunyai wawasan yang jelas dan mampu melihat ke hadapan sambil mengambil iktibar daripada pengalaman masa lalu.

"Kita terpaksa mengatur formula sendiri untuk mencaip kejayaan dengan mengam-

LIHAT MUKA 3

Setiap negara perlu berusaha

DARI MUKA 1

bil kira keadaan setempat, pengalaman sejarah, keadaan sosiobudaya dan tahap kemajuan.

"Malaysia percaya bahawa setiap negara mesti berusaha sendiri dan akan dihormati jika ia boleh mentadbir dirinya lebih baik daripada ketika ia dijajah," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, demokrasi tidak bermakna jika ia gagal meningkatkan kesejahteraan rakyat dan jika keadaan huru-hara menjadi sebahagian daripada kehidupan.

"Kerajaan sah yang diperolehi melalui proses demokrasi seharusnya membawa kepada peningkatan dan bukan

gangguan kegiatan sosial, politik dan ekonomi.

"Oleh demikian adalah penting demokrasi dan pembangunan dalam semua bidang seiringan tanpa demokrasi menjadi beban kepada pembangunan," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, negara membangun tidak boleh diminta mengamalkan demokrasi seperti di Barat.

"Keutamaan seharusnya kepada pembangunan pesat ekonomi untuk kebaikan rakyat. Jika negara membangun mengutamakan pembangunan bagi mengamalkan demokrasi Barat, mungkin menyebabkan demokrasi itu sendiri lenyap," katanya.